A **AVANZA SDN BHD**

lwn.

SILVER BIRD GROUP BHD

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
VT SINGHAM H
[GUAMAN SIVIL NO: 22NCVC-561-2011]
8 OGOS 2011

C ***PROSEDUR SIVIL:*** *Bidangkuasa - Forum Conveniens - Alamat berdaftar defendan di Shah Alam - Sama ada tempat amalan peguam atau firma peguam menjadi kriteria menentukan bidang kuasa Mahkamah Tinggi*

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan - Fakta yang tidak dirayu - Fakta pertimbangan tempat di mana kemungkiran kontrak berlaku patut dinyatakan*
D *dalam afidavit jawapan plaintif secara spesifik*

PROSEDUR SIVIL: *Kehadiran - Pemfailan kehadiran tidak bersyarat - Sama ada menghalang defendan untuk memohon supaya kes ini dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Malaya di cawangan Shah Alam*

E Plaintif dilantik defendan, melalui satu perjanjian, untuk meningkatkan prestasi fungsi Jabatan Pembuatan, Penjualan, Pemasaran dan Logistik, dan/atau pengedaran syarikat defendan. Alamat berdaftar plaintif ialah di Kuala Lumpur manakala defendan ialah di Shah Alam. Plaintiff melalui penyataan tuntutan (lampiran 2) menyatakan antara lain; (i) bahawa
F defendan mengurangkan pembayaran kepada plaintif dengan alasan pembayaran adalah berdasarkan prestasi; (ii) bahawa defendan enggan melunaskan bayaran berdasarkan prestasi dan gagal menepati jadual pembayaran. Defendan melalui saman dalam kamar (lampiran 4) memohon memindahkan keseluruhan tindakan yang dimulakan di
G cawangan Mahkamah Tinggi NCVC di Kuala Lumpur ke cawangan Mahkamah Tinggi Shah Alam dengan menyatakan antara lain; bahawa alamat perniagaan defendan, saksi-saksi, dan dokumen-dokumen yang berkaitan berada di alamat berdaftar defendan di Shah Alam. Maka, kemudahan mengadakan forum mendengar tuntutan plaintif wajar dimulakan di cawangan Mahkamah Tinggi Shah Alam. Seterusnya,
H plaintif melalui afidavit jawapan (lampiran 6) berhujah agar permohonan defendan ditolak dengan alasan antara lain; bahawa (i) alamat berdaftar defendan dan invois-invois yang dialamatkan kepada defendan di Shah Alam bukan satu faktor yang menentukan bahawa Mahkamah Tinggi Shah Alam adalah forum yang sesuai bagi membicarakan kes tersebut;

I

(ii) Mahkamah Tinggi NCVC di Kuala Lumpur mempunyai bidangkuasa mendengar tindakan tersebut; (iii) defendan bersetuju tindakan tersebut di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi NCVC di Kuala Lumpur apabila defendan mengfailkan kehadiran tanpa syarat.

Diputuskan (membenarkan permohonan):

(1) Alamat plaintif dan tempat amalan seorang peguam atau firma peguam, sama ada bagi plaintif atau defendan bukanlah satu kriteria untuk menentukan bidangkuasa Mahkamah Tinggi, kerana ini bukan satu terma statut yang dinyatakan di s. 23(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 1964) ataupun terhadap "Doctrine Forum Convenience." (perenggan 9)

(2) Alasan yang dibangkitkan oleh peguam plaintif melalui hujahan terhadap pembayaran defendan kepada plaintif dibuat di alamat plaintif di Kuala Lumpur tidak dinyatakan dalam afidavit jawapan plaintiff. Fakta pertimbangan tempat di mana kononnya kemungkiran kontrak berlaku patut dinyatakan dalam afidavit jawapan plaintif secara spesifik dan bukan melalui hujahan peguam plaintif. Justeru, plaintif gagal untuk mematahkan fakta-fakta yang dinyatakan oleh defendan dalam afidavit sokongan melalui afidavit jawapan defendan. (perenggan 11)

(3) Pemfailan kehadiran tidak bersyarat tidak menghalang defendan untuk membangkitkan atau memohon supaya kes ini dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Malaya di cawangan Shah Alam kerana defendan berhak untuk membangkitkan bahawa tindakan plaintif yang difailkan di Mahkamah Tinggi NCVC di Kuala Lumpur tidak mematuhi terma-terma di bawah s. 23(1) Akta 1964, berpandukan alasan "Doctrine Forum Convenience" dan selaras dengan A. 12 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Defendan tidak melepaskan hak beliau dengan pemfailan Kehadiran Tanpa Bersyarat. (perenggan 23)

(4) Defendan berhak untuk mengambil kesempatan dan memuaskan mahkamah ini bahawa salah satu terma di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut memihak permohonannya. Defendan hanya perlu menunjukkan salah satu terma di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut yang dibaca disjunctively. Defendan membuktikan perniagaannya dijalankan di Shah Alam seperti kehendak s. 23(1)(b) Akta 1964 dan fakta memerlukan tindakan ini difailkan di cawangan Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam seperti s. 23(1)(c) Akta 1964. Maka defendan berhak menggunapakai terma-terma statut tersebut (*Kenichi Hattori & Anor v Minoru Yamashita & Anor)*. (perenggan 29 & 30)

Kes-kes yang dirujuk:

Bank Bumiputra Malaysia Berhad v. Melewar Holdings Sdn Bhd & Ors [1990] 1 CLJ 1246; [1990] 1 CLJ (Rep) 654 HC ***(dirujuk)***

Bank Utama (Malaysia) Bhd v. Perkapalan Dai Zhun Sdn Bhd [2003] 1 CLJ 450 HC ***(dirujuk)***

Bunga Lawas Shipping Agencies Sdn Bhd v. Nusantara Worldwide Insurance (Malaysia) Bhd & Ors [1999] 2 CLJ 731 HC ***(dirujuk)***

Dayasar Corp Sdn Bhd lwn. CP Ng & Co Sdn Bhd [1990] 1 CLJ 262; [1990] 2 CLJ (Rep) 11 HC ***(dirujuk)***

DYTM Tengku Idris Shah Ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah v. Dikim Holdings Sdn Bhd & Anor [2002] 2 CLJ 57; [2002] 3 CLJ 69 FC ***(dirujuk)***

EG Tan & Co (Pte) (In Liquidation) v. Tan Chong San [1993] 2 CLJ 192 HC ***(dirujuk)***

Enersafe Sdn Bhd v. Megarina Sdn Bhd [2006] 2 CLJ 1021 CA ***(dirujuk)***

Hj Sharkhan Abd Rahman v. Kaf-Seagroatt & Campbell Securities Sdn Bhd [2004] 6 CLJ 312 HC ***(dirujuk)***

Firth & Sons v. Des Las Rivas [1983] 1 QB 768 ***(dirujuk)***

Jalaludin Sulaiman v. MCIS Zurich Insurance Berhad [2007] 1 LNS 101 HC ***(dirujuk)***

Kenichi Hattori & Anor v. Minoru Yamashita & Anor [2004] 1 CLJ 491 HC ***(dirujuk)***

Malacca Securities Sdn Bhd v. Loke Yu [1998] 3 CLJ 22 HC ***(dirujuk)***

Malayan Banking Bhd v. The International Tin Council & Anor & Another Case [1989] 2 CLJ 961; [1989] 1 CLJ (Rep) 87 SC ***(dirujuk)***

Ng Lai Tien v. Peregrine Finance Ltd [1996] 2 CLJ 496 HC ***(dirujuk)***

PP v. Datuk Tan Cheng Swee & Anor [1980] 1 LNS 58 FC ***(dirujuk)***

Sanwell Corporation v. Trans Resources Corporation Sdn Bhd & Anor [2002] 3 CLJ 213 FC ***(dirujuk)***

Sogelease Advance (Malaysia) Sdn Bhd v. Kemajuan Tat Young Sdn Bhd & Ors [1999] 5 CLJ 331 HC ***(dirujuk)***

Sova Sdn Bhd v. Kasih Sayang Realty Sdn Bhd [1987] 1 LNS 55 HC ***(dirujuk)***

Sundralingam v. Ramanathan Chettiar [1967] 1 LNS 173 FC ***(dirujuk)***

Tawin Industries (M) Sdn Bhd v. FEC Cables (M) Sdn Bhd [2005] 5 CLJ 140 HC ***(dirujuk)***

The "Avro International" The "Avro Venture" "Avro International" (Owners Of) v. Arabian Marine Bunkers Sales Co Ltd & Anor [1987] 1 LNS 90 CA ***(dirujuk)***

United States of America v. Yang Soon Ee & Anor [1950] 1 LNS 95 HC ***(dirujuk)***

Wee Chow Yong Ex P; Public Finance Bhd [1990] 1 CLJ 176; [1990] 3 CLJ (Rep) 349 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Courts of Judicature Act 1964, s. 23(1)(a), (c)
Interpretation Acts 1948 & 1967, s. 17A
Rules of the High Court 1980, O. 12, O. 92 r. 4
Subordinate Courts Act 1948, s. 64, 66, 70

Bagi pihak plaintif - Dato' Rabinder Singh (Nurhayati Zabar bersamanya); T/n Rabinder Budiman & Assocs
Bagi pihak defendan - PY Tia; T/n Philip Ting & Tia

Dilaporkan oleh Anesa Karisma

PENGHAKIMAN

VT Singham H:

[1] Melalui pernyataan tuntutan (lampiran 2), plaintif menuntut jumlah tunggakan pembayaran Management Fee dan Performance Based Pay dan secara ringkasnya memplidkan seperti berikut:

(1) Plaintif telah dilantik oleh defendan sebagai Penasihat Syarikat defendan melalui satu perjanjian yang dibahagikan kepada empat fasa, iaitu untuk meningkatkan performance and to better align the Departmental functions of manufacturing, sales, marketing and logistics and/or distribution syarikat defendan.

(2) Telah menjadi kebiasaan bagi defendan untuk berbincang tentang penyelesaian dan/atau pengurangan pembayaran pada hari pembayaran.

(3) Defendan menggunakan alasan "Performance Related Pay" untuk mengurangkan pembayaran kepada plaintif.

(4) Pada September 2010, defendan telah enggan untuk membayar Performance Related Pay dan tidak menepati jadual pembayarannya. Defendan juga berhasrat membuat pembayaran secara Fixed Management Fees Basis.

(5) Plaintif telah membuat tuntutan pembayaran kepada defendan dan defendan berjanji untuk membuat pembayaran tunggakan tersebut. Namun demikian, defendan masih gagal untuk membuat pembayaran.

(6) Akibatnya, plaintif mengalami kerugian wang dan faedah yang sepatutnya diterima daripada kesemua jumlah tunggakan pembayaran Management Fee dan Performance Based pay tersebut.

(7) Oleh yang demikian, plaintif telah menuntut:

(a) Tunggakan Management Fee sebanyak RM211,860.00

(b) Tunggakan Performance Pay sebanyak RM39,900.00

(c) Faedah atas jumlah tersebut sebanyak RM8% setahun bermula dari tarikh pemfailan writ saman sehingga tarikh penyelesaian penuh.

(d) Kos bagi tindakan ini atas dasar anak guam dan peguamcara; dan

(e) Apa jua perintah dan/atau relif yang difikirkan patut dan sesuai wajar oleh Mahkamah yang mulia ini.

[2] Melalui saman dalam kamar (lampiran 4), defendan telah memohon kepada mahkamah ini untuk memindahkan keseluruhan tindakan atau prosiding dalam tindakan yang dimulakan di cawangan Mahkamah Tinggi, NCVC, Kuala Lumpur ini ke cawangan Mahkamah Tinggi di Shah Alam. Alasan kepada permohonan ini terkandung dalam afidavit sokongan defendan (lampiran 5) yang menyatakan secara ringkasnya, seperti berikut:

(1) Defendan mempunyai alamat perniagaannya di Shah Alam dan oleh itu, Forum Convenience untuk mendengar tuntutan plaintif dalam tindakan ini seharusnya dimulakan di cawangan Mahkamah Tinggi di Shah Alam dan bukan di cawangan Mahkamah Tinggi, NCVC Kuala Lumpur.

(2) Mahkamah Tinggi, Shah Alam merupakan mahkamah yang lebih sesuai dan wajar (accesible and appropriate) untuk membicarakan tuntutan plaintif terhadap defendan. *Semua saksi-saksi, fakta-fakta dan dokumen-dokumen yang diperolehi dari alamat perniagaan defendan di Shah Alam* (Penekanan oleh mahkamah ini).

(3) **Semua urusan perniagaan defendan serta dokumen-dokumen** yang relevan dalam perbicaraan dalam tindakan ini kelak akan diperolehi oleh defendan dari pekerja-pekerja yang menyimpan data-data dan dokumen-dokumen yang relevan di alamat perniagaannya di Shah Alam. Oleh itu, prosiding dalam tindakan ini haruslah dipindahkan ke cawangan Mahkamah Tinggi di Shah Alam. (Penekanan oleh mahkamah ini).

(4) Semua dakwaan-dakwaan plaintif dan perkara kontrak yang didakwa oleh plaintif adalah dalam bidangkuasa Selangor dan sepatutnya dibicarakan di Mahkamah Tinggi di Shah Alam.

(5) Tindakan plaintif untuk memulakan Guaman Sivil ini di Mahkamah Tinggi, NCVC di Kuala Lumpur menggambarkan niat plaintif untuk mendapatkan satu tarikh perbicaraan yang awal memandangkan jikalau tindakan ini difailkan di Mahkamah Tinggi di Shah Alam, maka tindakan ini tidak dapat didengar di Mahkamah NCVC. Kelakuan plaintif adalah satu 'strategic manoeuvre' yang mana plaintif memilih satu Mahkamah yang mereka percaya proses pendengaran dapat dipercepatkan.

(6) Sekiranya Mahkamah membenarkan plaintif untuk memfailkan tindakan di Mahkamah Tinggi, NCVC di Kuala Lumpur, ia akan menyebabkan 'backlog' kes-kes di Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur dan memberi tanggapan bahawa plaintif boleh dibenarkan melanggari amalan Mahkamah sesuka hati.

(7) Defendan memohon supaya keseluruhan tindakan atau prosiding dalam tindakan ini dipindahkan dari Mahkamah Tinggi, NCVC di Kuala Lumpur ke Mahkamah Tinggi, di Shah Alam.

(8) Defendan memohon supaya Mahkamah membenarkan permohonan Saman Dalam Kamar (Lampiran 4). A

[3] Sebaliknya, melalui afidavit jawapan plaintif (lampiran 6), plaintif menyatakan secara ringkasnya seperti berikut:

(1) Faktor bahawa alamat perniagaan, alamat berdaftar defendan dan invois-invois yang di alamatkan kepada defendan dan diterima oleh defendan di Shah Alam bukanlah satu faktor yang menentukan bahawa Mahkamah Tinggi, Shah Alam adalah forum yang sesuai bagi membicarakan kes ini. B

(2) Walaupun kerja-kerja dan/atau dokumen-dokumen berkaitan dengan tuntutan plaintif melibatkan perniagaan defendan di Shah Alam dan saksi-saksi defendan berada di Shah Alam tidak menjadikan Mahkamah Tinggi, NCVC di Kuala Lumpur tidak mempunyai bidangkuasa bagi mendengar dan/atau memutuskan kes ini. Plaintif mempunyai alamat berdaftar di No. 8-8-11, Menara Mutiara Bangsar, Jalan Liku, Off Jalan Bangsar, 59100 Kuala Lumpur. C D

(3) Tindakan defendan memfailkan Kehadiran Tanpa Syarat menunjukkan bahawa beliau bersetuju kes ini dibawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur.

(4) Permohonan defendan tidak mempunyai merit dan hanya berniat untuk melengahkan prosiding dan masa Mahkamah. E

(5) Plaintif memohon supaya permohonan defendan ditolak dengan kos.

[4] Peguam defendan berhujah terhadap fakta-fakta dan keadaaan kes seperti dinyatakan di afidavit sokongan defendan dan mengulangi fakta-fakta seperti terkandung dalam afidavit sokongan. Peguam defendan juga merujuk kepada prinsip undang-undang dan otoriti-otoriti yang berkaitan dengan permohonan defendan. F G

[5] Untuk menyokong hujahan, peguam defendan merujuk kepada kes-kes berikut:

(1) *Bank Bumiputra Malaysia Berhad v. Melewar Holdings Sdn Bhd* [1990] 1 CLJ 1246; [1990] 1 CLJ (Rep) 654 H

(2) *Tawin Industries (M) Sdn Bhd v. FEC Cables (M) Sdn Bhd* [2005] 5 CLJ 140

(3) *Malacca Securities Sdn Bhd v. Loke Yu* [1998] 3 CLJ 22 I

[6] Sebaliknya melalui hujahan bertulis dan secara lisan, peguam plaintif berhujah dan secara ringkasnya adalah seperti berikut:

(1) Tindakan pihak defendan memasukkan Kehadiran Tanpa Syarat menunjukkan bahawa defendan bersetuju bahawa tindakan ini adalah dalam bidangkuasa Mahkamah Tinggi, NCVC di Kuala Lumpur.

(2) Pembayaran terhadap perkhidmatan plaintif telah dibuat kepada akaun plaintif di Kuala Lumpur, **alamat berdaftar perniagaan plaintif**, saksi-saksi material dan **peguamcara defendan juga di Kuala Lumpur**. Oleh yang demikian, Mahkamah Tinggi, NCVC, Kuala Lumpur merupakan forum yang sesuai untuk tindakan ini. (Penekanan oleh Mahkamah ini).

(3) Kausa tindakan plaintif bermula di Kuala Lumpur kerana semua pembayaran yang dibuat oleh defendan adalah kepada akaun plaintif di Kuala Lumpur.

(4) Setiap Mahkamah Tinggi di Malaya mempunyai bidangkuasa yang sama 'concurrent jurisdiction' dan Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur boleh membicarakan kes ini **kerana alamat perniagaan plaintif adalah di Kuala Lumpur**. (Penekanan oleh Mahkamah ini).

(5) Atas faktor 'forum of convenience', kes ini patut dibicarakan di Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur kerana kedua-dua alamat berdaftar perniagaan plaintif dan defendan adalah di Kuala Lumpur.

(6) **Peguamcara defendan adalah dari Kuala Lumpur**. (Penekanan oleh Mahkamah ini)

(7) Tidak ada alasan yang munasabah dikemukakan oleh defendan untuk tidak meneruskan tindakan ini di Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur.

(8) Kenyataan defendan mengenai Mahkamah Tinggi di Shah Alam tidak memberikan tarikh perbicaraan yang awal merupakan satu kenyataan yang menghina Mahkamah.

(9) Permohonan defendan adalah tidak berasas dan patut ditolak dengan kos.

[7] Dalam hujahannya, peguam plaintif merujuk kepada kes-kes berikut:

(1) *Malacca Securities Sdn Bhd v. Loke Yu* [1998] 3 CLJ 22

(2) *Bunga Lawas Shipping Agencies Sdn Bhd v. Nusantara Worldwide Insurance (Malaysia) Bhd & Ors* [1999] 2 CLJ 731

(3) *Bank Utama (Malaysia) Bhd v. Perkapalan Dai Zhun Sdn Bhd* [2003] 1 CLJ 450

(4) *Tawin Industries (M) Sdn Bhd v. FEC Cables (M) Sdn Bhd* [2005] 5 CLJ 140

(5) *Enersafe Sdn Bhd v. Megarina Sdn Bhd* [2006] 2 CLJ 1021

(6) *Jalaludin Sulaiman v. MCIS Zurich Insurance Berhad* [2007] 1 LNS 101 Civil Suit No. 22-101-2006

(7) *The "Avro International" The "Avro Venture" "Avro International" (Owners Of) v. Arabian Marine Bunkers Sales Co Ltd & Anor* [1987] 1 LNS 90

(8) *Sova Sdn Bhd v. Kasih Sayang Realty Sdn Bhd* [1987] 1 LNS 55

(9) *EG Tan & Co (Pte) (In Liquidation) v. Tan Chong San* [1993] 2 CLJ 192

(10) *Hj Sharkhan Abd Rahman v. Kaf-Seagroatt & Campbell Securities Sdn Bhd* [2004] 6 CLJ 312

Keputusan

[8] Setelah membaca saman dalam kamar (lampiran 4), afidavit sokongan defendan dan afidavit jawapan plaintif, hujah-hujah bertulis dan lisan bersama otoriti-otoriti yang difailkan oleh kedua-dua pihak, dan penyelidikan oleh mahkamah ini, keputusan mahkamah ini adalah:

(a) Dalam kes ini terdapat dua isu utama.
Pertama, bidangkuasa mahkamah ini untuk membicarakan Guaman Sivil ini di Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur.
Kedua, Doctrine Forum Convenient.

(b) Bagi isu pertama, tidak dinafikan bahawa mahkamah ini adalah satu cawangan Mahkamah Tinggi Malaya dan mempunyai bidangkuasa yang sama seperti Mahkamah Tinggi, di Shah Alam untuk membicarakan kes ini. Pihak-pihak tidak boleh mengaburkan bidangkuasa suatu cawangan Mahkamah Tinggi Malaya seperti dan seolah-olah suatu mahkamah yang tidak sama sekali mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kes ini, iaitu dan seperti Mahkamah Tinggi, di Shah Alam, dimana adalah salah satu cawangan Mahkamah Tinggi Malaya yang diwujudkan di Negeri Selangor Darul Ehsan untuk sebab-sebab yang tertentu dan di antara sebab-sebab ialah, untuk memberi keselesaan kepada litigan-litigan yang mempunyai urusan atau kausa tindakan yang wujud di Negeri Selangor Darul Ehsan.

(c) Oleh kerana mahkamah NCVC ini mempunyai bidangkuasa untuk mendengar guaman sivil ini, itu bukan bermakna mahkamah ini mesti menerima pemfailan guaman sivil ini di Mahkamah Tinggi, NCVC di Kuala Lumpur. Mahkamah ini harus mengambil kira fakta-fakta relevan dan alasan-alasan yang kukuh, di mana boleh membantu mahkamah, sama ada mahkamah ini yang patut membicarakan kes ini atau mempunyai bidangkuasa untuk memindahkan kes ini kepada satu lagi cawangan Mahkamah Tinggi Malaya yang juga mempunyai bidangkuasa yang sama setelah mengambil kira terma-terma statut di bawah s. 23(1) Akta Mahkamah-Mahkamah Kehakiman 1964. (Rujuk kes *Sogelease Advance (Malaysia) Sdn Bhd v. Kemajuan Tat Young Sdn Bhd & Ors* [1999] 5 CLJ 331).

(d) Oleh kerana terdapat cawangan-cawangan Mahkamah Tinggi Malaya di Negeri-negeri lain dan juga di Daerah-daerah, ini bermakna ia meletak ('confer') bidangkuasa yang sama dan selaras dengan terma-terma di bawah s. 23(1) Akta, 1964 tersebut. Seterusnya mahkamah ini berpendapat kes ini boleh difailkan di cawangan Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam menurut salah satu terma seperti di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut (dibaca secara 'disjunctively') (Rujuk kes *Dayasar Corp Sdn Bhd lwn. CP Ng & Co Sdn Bhd* [1990] 1 CLJ 262; [1990] 2 CLJ (Rep) 11).

(e) Oleh kerana, mahkamah ini mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kes ini, itu bukan bermakna mahkamah ini mesti dan harus membenarkan guaman sivil ini yang difailkan di mahkamah ini dikekalkan dan dibicarakan walaupun tindakan ini yang difailkan di mahkamah ini tidak selaras dengan terma-terma dibawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut. Sekiranya hujahan peguam plaintif diterima, mahkamah ini berpendapat, dengan segala hormatnya, ia tidak akan memberi makna untuk mewujudkan cawangan-cawangan Mahkamah Tinggi Malaya di Negeri-negeri dan Daerah-daerah lain. Seterusnya, ia mungkin akan memberi satu tafsiran yang salah bahawa seorang litigan yang tidak mematuhi dan tidak mahu menghormati terma statut seperti di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut, masih boleh dilayan dan dibenarkan memfailkan tindakan di Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur dan kes ini patut dikekalkan di Mahkamah ini yang dipilih oleh plaintif. (Rujuk kes *Sova Sdn Bhd v. Kasih Sayang Reality Sdn Bhd* [1987] 1 LNS 55; [1988] 2 MLJ 268 di ms 270, *Wee Chow Yong Ex P; Public Finance Bhd* [1990] 1 CLJ 176; [1990] 3 CLJ (Rep) 349; [1989] 3 MLJ 509 di ms 512).

[9] Mahkamah ini berpendapat sebarang keputusan khususnya, yang melibatkan prosedur dan terma-terma statut, harus diberikan keputusan yang praktikal dan sebarang tafsiran bagi terma-terma statut harus diberi secara kehakiman dan bukan sesuka hati atau sewenang-wenangnya seperti dikehendaki oleh seorang litigan. Dalam kes ini, tidak dinafikan bahawa:

(a) Alamat perniagaan defendan dijalankan di Silver Bird Complex, Lot 72, Persiaran Jubli Perak, Seksyen 21, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

(b) Semua urusan perundingan perniagaan defendan berlangsung di alamat perniagaan defendan di Shah Alam.

(c) Kerja-kerja dan/atau dokumen-dokumen berkaitan dengan tuntutan plaintif melibatkan perniagaan defendan di Shah Alam.

(d) Saksi-saksi defendan berada di Shah Alam; dan

(e) Mengikut fakta dan keadaan kes ini, kepentingan keadilan memerlukan tindakan ini difailkan di cawangan Mahkamah Tinggi Malaya, di Shah Alam dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi, di Shah Alam.

(f) Sebenarnya melalui perenggan 6, melalui affidavit jawapan plaintif (lampiran 6), plaintif telah mengakui sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa tuntutan plaintif melibatkan alamat perniagaan defendan di Shah Alam, kerja-kerja dan/atau dokumen-dokumen melibatkan alamat defendan di Shah Alam dan saksi-saksi defendan berada di Shah Alam seperti yang dinyatakan oleh defendan di perenggan 7 dan 8 afidavit sokongan (lampiran 5), melainkan plaintif menyatakan perkara-perkara tersebut tidak menjadikan Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur tidak mempunyai bidangkuasa bagi membicarakan kes ini. Sebaliknya didapati bahawa plaintif bersandarkan bahawa alamat berdaftar plaintif di Menara Mutiara Bangsar, Jalan Liku, off Jalan Bangsar, Kuala Lumpur membenarkan dan memberi hak kepada plaintif untuk memfailkan writ saman ini di Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur.

(g) Alamat plaintif dan tempat amalan seorang peguam atau firma peguam, sama ada bagi plaintif atau defendan bukanlah satu criteria untuk menentukan bidangkuasa Mahkamah Tinggi, kerana itu bukan satu terma statut yang dinyatakan di s. 23(1) Akta 1964 tersebut ataupun terhadap doctrine forum convenience.

(h) Dalam kes ini, hujahan peguam plaintif bahawa firma peguamcara plaintif, firma peguamcara defendan dan alamat perniagaan plaintif adalah di Kuala Lumpur dan oleh itu tindakan Guaman Sivil ini adalah sesuai untuk dibicarakan di Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur, dengan segala hormatnya, bukanlah satu criteria atau alasan atau asas yang boleh diterima semata-mata tanpa mengambil kira terma-terma statut seperti dibawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut.

[10] Oleh itu dan dengan segala hormatnya, fakta-fakta tersebut seperti dihuraikan oleh peguam plaintif tidak boleh diberi pertimbangan oleh mahkamah ini bagi memihak plaintif. Sekiranya mahkamah ini menerima hujahan peguam plaintif seperti tersebut di atas, apakah yang menghalang seorang peguam yang mempunyai cawangan firmanya di tempat atau Negeri yang tertentu untuk menegaskan bahawa kes boleh difailkan di Mahkamah Tinggi dimana tempat cawangan firma peguamcara diamalkan walaupun alamat atau tempat itu bukanlah selaras atau salah satu terma atau peruntukan di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut.

[11] Bagi isu yang dibangkitkan oleh peguam plaintif dalam hujahannya bahawa pembayaran oleh defendan kepada plaintif di buat di akaun plaintif di Kuala Lumpur dan seterusnya pemfailan tindakan di Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur adalah betul di atas alasan kemungkiran berlaku di tempat pembayaran di Kuala Lumpur, bukan semata-mata bermakna kausa tindakan atau kemungkiran kontrak mestinya berlaku di tempat pembayaran oleh defendan. Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa alasan tersebut yang dibangkitkan oleh peguam plaintif melalui hujahan terhadap pembayaran oleh defendan kepada plaintif dibuat di alamat plaintif di Kuala Lumpur tidak dinyatakan dalam affidavit jawapan plaintif. Oleh kerana perkara ini adalah satu fakta di mana peguam plaintif menjemput mahkamah ini memberi pertimbangan tempat di mana kononnya kemungkiran kontrak berlaku, fakta ini patut dinyatakan dalam afidavit jawapan plaintif secara spesifik dan bukan melalui hujahan peguam plaintif. Oleh itu, mahkamah ini berpendapat bahawa plaintif gagal untuk mematahkan fakta-fakta yang dinyatakan oleh defendan di affidavit sokongan melalui afidavit jawapan defendan.

Dalam kes *Malacca Securities Sdn Bhd v. Loke Yu*, peruntukan 'terma kontrak' adalah pembayaran harus dibuat di tempat plaintif. Oleh itu, dan apabila bayaran dikatakan tidak dibuat oleh defendan seperti yang dikehendaki dalam terma kontrak, Mahkamah Tinggi, dalam kes *Malacca Securities Sdn Bhd v. Loke Yu* memutuskan bahawa kemungkiran kontrak berlaku di tempat mana bayaran patut dibuat dan itu adalah berdasarkan kepada 'terma kontrak' diantara pihak-pihak tersebut. Seterusnya Mahkamah Tinggi, Melaka juga mendapati defendan telah membuka akaun dengan plaintif di Melaka. Defendan

menjalankan transaksi saham di Melaka. Amaun yang perlu dibayar di atas akaun adalah di Melaka. Di atas fakta-fakta tersebut Mahkamah Tinggi, Melaka mendapati kemungkiran pembayaran amaun yang patut dibayar berlaku di Melaka.

[12] Sebaliknya, dalam kes di hadapan mahkamah ini, tidak ada sebarang fakta yang terkandung dalam afidavit jawapan plaintif bahawa 'terma kontrak' di antara plaintif dan defendan mengkehendaki defendan membuat pembayaran kepada plaintif di akaun plaintif di Kuala Lumpur dan berdasarkan kepada terma kontrak tersebut, pembayaran dibuat di akaun plaintif di Kuala Lumpur. Apa yang dapat difahami oleh mahkamah ini di atas fakta-fakta dan hujahan oleh peguam plaintif, adalah bahawa:

(a) defendan memilih untuk membuat bayaran di akaun plaintif di Kuala Lumpur dan oleh itu kemungkiran kontrak berlaku di Kuala Lumpur.

(b) Seterusnya dan sekiranya bayaran tidak diteruskan oleh defendan, defendan dikatakan telah memungkiri kontrak dan kausa tindakan berlaku di tempat mana dikatakan kemungkiran berlaku, iaitu di tempat bayaran atau di tempat yang mana defendan memilih untuk membuat bayaran.

[13] Mahkamah ini berpendapat tempat perniagaan plaintif adalah di Kuala Lumpur. Oleh itu, adalah munasabah bahawa defendan perlu membuat pembayaran di akaun plaintif di Kuala Lumpur melainkan terdapat sebarang perjanjian yang khusus di antara kedua-dua pihak bahawa pembayaran harus dibuat di tempat yang ditetapkan atau terma kontrak di antara plaintif dan defendan menyatakan dengan khususnya, pembayaran oleh defendan kepada plaintif harus dibuat dalam akaun plaintif di Kuala Lumpur dan kegagalan pembayaran akan menimbulkan kemungkiran kontrak berlaku di Kuala Lumpur. Di atas fakta dan dalam keadaan tersebut di atas, mahkamah ini tidak dapat menerima bahawa fakta-fakta dalam kes di hadapan mahkamah ini adalah seperti atau merupakan yang sama dengan fakta-fakta dan keadaan kes iaitu sama dan hampir sama di *Malacca Securities Sdn Bhd v. Loke Yu*.

[14] Di peringkat ini, mahkamah ini ingin menegaskan bahawa Hakim Yang Bijaksana, Mahkamah Tinggi Melaka (pada masa itu) dalam kes *Malacca Securities Sdn Bhd v. Loke Yu* mendapati dan memutuskan bahawa 'terma kontrak' di antara plaintif dan defendan menghendaki defendan membuat bayaran di akaun plaintif di Melaka. Seterusnya apabila pembayaran tidak diteruskan, kemungkiran kontrak berlaku di

A Melaka. Selanjutnya Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi, Melaka (pada masa itu) berpendapat tindakan yang patut difailkan adalah ditempat di mana kemungkiran kontrak berlaku seperti terma-terma kontrak menyatakan pembayaran harus dibuat.

B **[15]** Dalam keadaan tersebut di atas, dan dengan segala hormatnya, fakta-fakta dan latar belakang kes di *Malacca Securities Sdn Bhd v. Loke Yu* boleh dibezakan apabila dibandingkan dengan fakta-fakta dan keadaan kes di hadapan mahkamah ini melainkan sebarang prinsip undang-undang yang ditetapkan diterima dan dipakai oleh mahkamah ini seperti yang diterima oleh Mahkamah Tinggi lain dan Mahkamah C Rayuan.

[16] Mahkamah ini ingin merujuk kepada kes-kes yang diharapkan oleh peguam plaintif, di mana boleh dibezakan di atas fakta-fakta dan latar belakang kes-kes tersebut.

D Dalam kes *Bunga Lawas Shipping Agencies Sdn Bhd v. Nusantara Worldwide Insurance (Malaysia) Bhd & Ors* [1999] 2 CLJ 731

> Permohonan defendan adalah untuk membatalkan tindakan plaintif atau secara alternatif tindakan tersebut dipindah dari Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Miri kepada E Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur. Pada tarikh pendengaran permohonan tersebut, peguam defendan berhujah bahawa:
>
> (i) Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Miri tidak mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan tindakan F tersebut kerana kesemua defendan-defendan didaftarkan di Kuala Lumpur dan kapal (vessel) yang didaftarkan adalah di Pulau Pinang.
>
> (ii) Oleh itu, Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Miri tidak mempunyai bidangkuasa kerana alamat defendan didaftarkan G di Kuala Lumpur, kapal (vessel) didaftarkan di Pulau Pinang dan perkara ini adalah di luar bidangkuasa Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak menurut s. 23(1)(b) Akta 1964 tersebut. Manakala peguam plaintif berhujah bahawa:
>
> i. Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Miri mempunyai H bidangkuasa kerana kemungkiran kontrak insurans oleh defendan berlaku di Miri, Sarawak di atas alasan bahawa defendan telah hantar satu surat kepada plaintif di Miri, Sarawak di mana defendan telah menafikan ('repudiated liability').

I

Di atas fakta-fakta tersebut, Mahkamah Tinggi, Miri memutuskan bahawa pertikaian ditimbul dari kontrak insurans di antara plaintif dan defendan di mana kemungkiran berlaku apabila tuntutan plaintif dinafikan oleh defendan (repudiation) yang memberi kausa tindakan kepada plaintif, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa penafian (repudiation) telah dimaklumkan (communicated) kepada dan diterima oleh plaintif di tempat perniagaan plaintif di Miri, Sarawak.

Oleh yang demikian, didapati kemungkiran yang dikatakan dan kausa tindakan timbul atau wujud dalam linkungan bidangkuasa tempatan Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak di Miri.

Dalam kes *Bank Utama (Malaysia) Berhad v. Perkapalan Dai Zhun Sdn Bhd* [2003] 1 CLJ 450;

> Dalam kes ini, defendan telah memfailkan permohonan di bawah A. 12 k. 7 dan/atau di bawah A.92 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan/atau di bawah Kuasa Kehakiman yang sedia ada untuk mengenepikan writ dan prosiding. Penolong Kanan Pendaftar Yang Bijaksana membenarkan permohonan defendan dengan kos. Plaintif memfailkan rayuan kepada Hakim Dalam Kamar terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar. Plaintif memfailkan writ saman bersama pernyataan tuntutan terhadap defendan untuk menuntut indemnity terhadap amaun yang dikatakan telah dibayar oleh plaintif kepada satu syarikat Chiap Seng Hong Pte Singapura. Defendan menafikan liabiliti kepada plaintif. Seterusnya, defendan memulakan satu prosiding undang-undang terhadap plaintif dan harta pusaka. Defendan menyatakan bahawa walaupun defendan telah dilepaskan daripada semua tanggungan kepada plaintif terhadap guaranti bank/surat akujanji mengenai kemudahan yang diberikan kepada defendan tetapi plaintif telah secara salah mendebitkan akaun semasa defendan di bank plaintif di cawangan Kuching. Walaubagaimanapun Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur berpendapat bidangkuasa territorial dan forum convenience kausa tindakan plaintif adalah di Mahkamah Tinggi, Sabah dan Sarawak di Kuching. Seterusnya, Hakim Mahkamah Tinggi menolak rayuan plaintif. Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi berpendapat:
>
> (1) Bidangkuasa teritorial Mahkamah Tinggi untuk kes-kes sivil adalah seperti yang diperuntukan di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut.
>
> (2) Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur bukanlah forum convenience untuk menentukan kausa tindakan plaintif walaupun dan sekiranya s. 23(1) Akta 1964 tersebut meletak (confer) bidangkuasa kepada Mahkamah.

(3) Doktrin forum convinience adalah menjemput Mahkamah yang lebih mudah didatangi (accessible) dan kesesuaian (suitability) dari segi kepentingan semua pihak dan keadilan walaupun Mahkamah-mahkamah lain juga mempunyai bidangkuasa teritorial di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut.

(4) Di antara perkara-perkara lain, Hakim Mahkamah Tinggi (pada masa itu) mendapati:

(a) kausa tindakan wujud di Kuching, Sarawak.

(b) Pejabat Pendaftaran dan Ibu Pejabat plaintif adalah di Kuching di mana cawangan Bank plaintif yang memberikan kemudahan perbankan juga di Kuching.

(c) Tempat perniagaan defendan pada semua masa yang material masih di Kuching walaupun Pejabat Pendaftaran defendan telah dipindah di Kuala Lumpur.

(d) Kesemua dokumen-dokumen yang relevan seperti yang dilampirkan di affidavit dialamatkan kepada plaintif, bank dan/atau tempat perniagaan defendan di Kuching, Sarawak.

(e) Saksi-saksi yang material untuk perbicaraan tinggal di Kuching kerana semua transaksi di antara pihak-pihak berlaku di Kuching.

(f) Lebih-lebih lagi defendan telah memfailkan tindakan terhadap plaintif di Kuching. Sekiranya defendan ingin meneruskan dengan tuntutannya, defendan boleh menuntut melalui tuntutan balas dalam tindakan defendan di Kuching.

Oleh itu, didapati keputusan Penolong Kanan Pendaftar adalah betul apabila permohonan defendan untuk membatalkan tindakan plaintif dibenarkan. Dengan itu, rayuan plaintif telah ditolak.

Dalam kes *Enersafe Sdn Bhd v. Megarina Sdn Bhd* [2006] 2 CLJ 1021;

> Dalam kes ini, plaintif memfailkan satu tindakan terhadap defendan untuk RM3,382,740.72 yang dikatakan dihutang oleh defendan kepada plaintif terhadap barang yang telah dihantar serah ditempat projek defendan di Paka, Terengganu menurut surat perjanjian penyerahan yang dimasuki oleh kedua-dua pihak. Defendan memfailkan permohonan untuk membatalkan writ dan tuntutan plaintif dibawah A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 di atas alasan Mahkamah Tinggi di Kuala Terengganu tidak mempunyai bidangkuasa untuk melayan tuntutan plaintif. Penolong Kanan Pendaftar yang Bijaksana

menolak permohonan defendan dan memutuskan bahawa Mahkamah Tinggi di Kuala Terengganu mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan tuntutan plaintif. Rayuan oleh defendan kepada Hakim Dalam Kamar terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar ditolak. Seterusnya, defendan merayu kepada Mahkamah Rayuan.

Defendan berhujah bahawa:

(i) kausa tindakan dan fakta kes adalah terakru dan berlaku di Miri, Sarawak dan S.23(1) Akta 1964 tersebut dipakai untuk memihak defendan kerana Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidangkuasa untuk mendengar kes adalah di Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak. Mahkamah Rayuan berpendapat bahawa daripada fakta kes ia merupakan bahawa kedua-dua Mahkamah Tinggi di Kuala Terengganu dan Mahkamah Tinggi di Miri, Sarawak mempunyai bidangkuasa concurrent untuk mendengar tuntutan plaintif. Oleh itu, di atas keadaan tersebut Mahkamah Rayuan mendapati hujahan bagi defendan adalah betul bahawa peruntukan s. 23(1)(a) dan (c) Akta 1964 tersebut memihak defendan. Walau bagaimanapun Mahkamah Rayuan mendapati permohonan defendan bukan di atas isu forum convenience tetapi isu sama ada Mahkamah Tinggi di Kuala Terengganu mempunyai bidangkuasa untuk melayan tuntutan plaintif.

(ii) Oleh itu, dan berdasarkan kepada fakta kes tersebut dan di atas tafsiran s. 23(1) Akta 1964 didapati bahawa Mahkamah Tinggi, Kuala Terengganu dan Mahkamah Tinggi di Miri, Sarawak mempunyai bidangkuasa untuk melayan tuntutan plaintif.

(iii) Seterusnya, Mahkamah Rayuan mendapati bahawa kuasa untuk membatalkan pliding di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 seperti yang dipakai oleh defendan hanya boleh dilaksanakan (exercise) apabila tuntutan plaintif (on the face of it) mesti gagal tetapi Mahkamah Rayuan mendapati tuntutan plaintif bukanlah satu keadaan tersebut.

(iv) Dengan itu, Mahkamah Rayuan mendapati di atas prinsip undang-undang yang tetap, tuntutan plaintif tidak harus dibatalkan di bawah A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan menolak rayuan defendan.

Dalam kes *Jalaludin bin Sulaiman v. MCIS Zurich Insurance Berhad* Civil Suit No. 22-101-2006;

Dalam kes ini, defendan memfailkan permohonan untuk memindahkan tindakan plaintif daripada Mahkamah Tinggi, Johor Bahru ke Mahkamah Tinggi, Shah Alam. Plaintif memfailkan tindakan terhadap defendan, sebuah syarikat insurans untuk RM1,051,332.00 terhadap nilaian pernyerahan (surrender value) di bawah polisi yang dikeluarkan oleh defendan. Plaintif menyatakan di antara perkara-perkara lain, ejen defendan memberi representasi kepada beliau bahawa plaintif berhak kepada nilaian penyerahan tersebut walaupun polisi tersebut harus berkuat kuasa selama 3 tahun atau lebih. Defendan menafikan tuntutan plaintif dan menyatakan plaintif tidak berhak untuk menuntut nilaian serahan.

Peguam defendan berhujah bahawa Mahkamah Tinggi di Johor Bahru bukanlah forum convinence yang sebenarnya untuk membicarakan pertikaian di antara kedua-dua pihak kerana alamat pendaftaran dan perniagaan defendan adalah di Wisma MCIS Zurich di Petaling Jaya, Selangor. Defendan mengeluarkan polisi insurans kepada plaintif di alamat daftaran defendan. Saksi-saksi defendan adalah dari Selangor dan akan menimbulkan inconvenience dan tidak munasabah untuk meminta defendan dan saksi-saksi untuk berjalan dari Selangor ke Johor Bahru untuk perbicaraan. Juga timbul isu perbelanjaan sekiranya perbicaraan diteruskan di Mahkamah Tinggi, Johor Bahru. Oleh itu, tindakan plaintif harus didengar di Mahkamah Tinggi di Shah Alam.

Mahkamah Tinggi, Johor Bahru mendapati bahawa kausa tindakan plaintif berlaku di Johor Bahru kerana representasi yang dikatakan dibuat kepada plaintif oleh ejen defendan berlaku di Johor Bahru. Seterusnya, representasi yang dikatakan yang mempengaruhi plaintif percaya bahawa beliau berhak kepada nilaian penyerahan walaupun polisi itu harus berkuat kuasa selama tiga tahun atau lebih. Oleh itu plaintif telah membawa tindakan dalam lingkungan s. 23(1)(a) Akta 1964 tersebut yang menentukan bidangkuasa teritorial Mahkamah Tinggi.

Di atas alasan tersebut, plaintif berhak untuk memfailkan tindakan di Mahkamah Tinggi Malaya di Johor Bahru. Mahkamah Tinggi Johor Bahru mendapati defendan harus memuaskan Mahkamah bahawa sekiranya tindakan itu diteruskan di Mahkamah Tinggi, Johor Bahru ia akan membawa ketidakadilan di atas alasan ia adalah oppressive or vexatious atau tindakan plaintif adalah menyalahgunakan proses Mahkamah dalam apa cara pun dan seterusnya ia tidak patut menimbulkan sebarang ketidakadilan kepada plaintif. Seterusnya Mahkamah Tinggi Johor Bahru didapati alasan-alasan yang dikemukakan oleh defendan bukanlah alasan yang kuat untuk Mahkamah tidak membicarakan kes tersebut kerana defendan adalah satu syarikat multi nasional. Keadaan kes tidak menunjukkan bahawa sekiranya kes diteruskan di Mahkamah Tinggi, Johor Bahru ia akan menimbul detrimental, oppressive or vexatious or an abuse to the process of the court.

Bagi kes ini, *Jalaludin bin Sulaiman v. MCIS Zurich Insurance Berhad* (yang tidak dilaporkan) Mahkamah ini dengan segala hormatnya tidak bersetuju dengan sebab-sebab yang dibangkitkan oleh Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi (pada masa itu) seperti yang dihuraikan dalam alasan penghakiman di atas sebab-sebab tersebut:

(1) Semua alasan-alasan yang dikemukakan oleh defendan sama ada di atas tajuk bidangkuasa dan/atau forum convenience dengan jelas mematuhi terma-terma atau kehendak-kehendak di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut supaya tindakan plaintif harus dibicarakan di Mahkamah Tinggi, Shah Alam dan bukan di Mahkamah Tinggi, Johor Bahru.

(2) Sama ada defendan adalah satu syarikat Multi Nasional atau tidak bukanlah satu alasan sama sekali untuk menentukan forum convenience dan didapati dan dengan segala hormatnya didapati telah mempengaruhi keputusannya.

(3) Defendan tidak perlu untuk memuaskan Mahkamah bahawa sekiranya tindakan plaintif diteruskan di Mahkamah Tinggi, Johor Bahru itu adalah tidak adil kerana ia akan membawa satu perkara yang oppressive or vexatious atau menyalahguna proses Mahkamah dalam apa cara.

(4) Tidak ada sebarang alasan yang ditunjukkan di atas fakta-fakta dan keadaan kes itu bahawa ia akan membawa ketidakadilan kepada plaintif.

Keputusan kes *Sova Sdn Bhd v. Kasih Sayang Realty Sdn Bhd* [1988] 2 MLJ 268 yang dirujuk oleh peguam plaintif dalam permohonan di hadapan Mahkamah ini, sebenarnya memihak permohonan defendan untuk memutuskan sama ada Doctrine Forum Convenience memihak defendan.

Dalam kes *Hj Sharkhan Abd Rahman v. Kaf-Seagroaft & Camphell Securities Sdn Bhd* [2004] 6 CLJ 312;

Dalam kes ini defendan memfailkan permohonan supaya keseluruhan prosiding dipindahkan dari Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bahru ke Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur. Defendan adalah satu syarikat broker saham dan stok yang berdaftar dengan Syarikat Bursa Saham Kuala Lumpur dan mempunyai alamat perniagaan di Kuala Lumpur. Melalui satu perjanjian yang dimasuki oleh kedua-dua pihak, defendan telah bersetuju untuk memberikan satu kemudahan (margin trading facility) kepada plaintif mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan di surat perjanjian tersebut. Plaintif telah memberikan kemudahan hingga setakat RM500,000 untuk kegunaan bagi membiayai pembelian saham yang disenarai di Syarikat Bursa Saham Kuala Lumpur oleh dealer yang dinyatakan di dalam perjanjian saham

tersebut. Plaintif telah menuntut terhadap defendan antara lain baki jumlah wang yang dikatakan masih ada dalam akaun margin tersebut di mana defendan telah menggunakan serta ganti rugi khas atas kehilangan peluang perniagaan. Defendan menafikan tuntutan plaintif dan mempertikaikan jumlah yang dikatakan seperti dituntut oleh plaintif. Alasan permohonan defendan adalah:

(a) Defendan menyatakan kausa tindakan berlaku di Kuala Lumpur;

(b) perjanjian di tandatangani di Kuala Lumpur;

(c) kemungkiran berlaku di Kuala Lumpur;

(d) Fakta yang berkenaan dengan prosiding diasaskan berlaku di Kuala Lumpur;

(e) Defendan mempunyai tempat perniagaan di Kuala Lumpur; dan

(f) Defendan menegaskan bahawa Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur adalah forum yang sesuai untuk meneruskan tindakan plaintif.

Mahkamah Tinggi Kota Bharu menolak permohonan defendan di atas alasan-alasan berikut:

(1) **kedudukan dan keupayaan plaintif** adalah di antara fakta-fakta lain untuk menentukan forum convenience untuk meneruskan sesuatu prosiding di tempat yang telah dipilih oleh plaintif. (Penekanan oleh Mahkamah ini)

(2) Defendan adalah Syarikat Firma Broker **saham yang teguh** dan berdaftar di Syarikat Bursa Saham, Kuala Lumpur **berbanding dengan plaintif yang merupakan orang perseorangan** dan semestinya kurang berkemampuan dibandingkan dengan defendan (Penekanan oleh Mahkamah ini)

(3) **Defendan tidak memerlukan saksi yang ramai hingga boleh membebankannya** dari segi kewangan jika tindakan itu diteruskan di Mahkamah Tinggi, Kota Bahru. (Penekanan oleh Mahkamah ini).

(4) Tidak nampak kewujudan hal keadaan yang begitu memihak kepada defendan bagi Mahkamah ini mengganggu forum yang telah dipilih oleh plaintif.

Bagi kes *Hj Sharkhan Abd Rahman v. Kaf-Seagroaft & Camphell Securities Sdn Bhd* Mahkamah ini dengan segala hormatnya tidak bersetuju kepada alasan-alasan yang digunapakai oleh Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi (pada masa itu) di atas alasan-alasan berikut: A

(i) Alasan-alasan yang dicatat oleh defendan dalam permohonan untuk memindahkan tindakan plaintif dari Mahkamah Tinggi, Kota Bharu ke Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur adalah berasas dan tidak diberi pertimbangan yang sewajarnya. B

(ii) Sama ada plaintif merupakan orang perseorangan yang kurang berkemampuan untuk hadir di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur bukanlah salah satu alasan keutamaan dalam terma sama ada di bawah s. 23(1) atau menentukan forum convenience. C

(iii) Peringkat pendengaran permohonan memindah prosiding dari Mahkamah Tinggi di Kota Bahru ke Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur bukan masa wajib untuk menentukan sama ada defendan memerlukan saksi-saksi ramai. Pilihan Mahkamah Tinggi oleh plaintif bukanlah satu alasan yang patut diberi keutamaan supaya pilihan plaintif harus dikekalkan sehingga Mahkamah dipengaruhi tentang forum yang dipilih oleh plaintif akan diganggu. D

(iv) Di atas alasan-alasan tersebut, dengan segala hormatnya, Mahkamah ini tidak mengikut alasan-alasan yang dihuraikan dalam kes *Hj Sharkhan Abd Rahman v. Kaf-Seagroaft & Camphell Securities Sdn Bhd* untuk tidak memindah kes di Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur. E

[17] Mahkamah ini juga telah sedar bahawa sebarang keputusan Mahkamah Tinggi di mana adalah sama bidangkuasa (co-ordinate jurisdiction) mahkamah ini menghormati walaupun tidak semestinya mengikat mahkamah ini. Walaubagaimanapun, mahkamah ini boleh membezakan kes-kes Mahkamah Tinggi di atas fakta dan keadaan kes-kes tersebut daripada permohonan ini di hadapan mahkamah ini. F G

Mahkamah ini ingin merujuk kepada kes *Sundralingam v. Ramanathan Chettiar* [1967] 2 MLJ 211 HT Ong FJ berkata di ms 213 bahawa:

> Each court, of course, is bound by the decisions of courts above it, but "individual judges are not bound by each other's decisions, although judicial courtersy naturally requires that they do not lightly dissent from the considered opinions of their brethren": see *Law in the Making* (6th edn) p. 231. I do not think I can usefully add anything to what Sir Carleton said, except to point out that, within the past decade and even the last lustrum, judges in Malaya have, on several occasions respectfully agreed to differ, as may be seen from the reports in The Malayan Law Journal. H I

[18] Walaubagaimanapun mahkamah ini menghormati dan terikat dengan doctrine of judicial precedent seperti yang ditetapkan oleh Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan di negara ini dan ingin merujuk kepada kes *PP v. Datuk Tan Cheng Swee & Anor* [1980] 1 LNS 58; [1980] 2 MLJ 276 di ms 278.

> The principle of *stare decisis* requires more than lip service (per Chang Min Tat FJ)

[19] Mahkamah ini juga ingin memberi pertimbangan kepada permerhatian yang dibuat oleh seorang hakim di Mahkamah USA.

> Judicial power is never exercised for the purpose of giving effect to the will of the Judge, always and must be for the purpose of giving effect to the will of the Legislature.

[20] Oleh yang demikian, sebarang tafsiran yang diberikan kepada s. 23(1) Akta 1964 harus diberi pendekatan maksud ("purposive interpretation") oleh mahkamah ini. (Rujuk kes *DYTM Tengku Idris Shah Ibni Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah v. Dikim Holdings Sdn Bhd & Anor* [2002] 2 CLJ 57 & [2002] 3 CLJ 69; [2002] 2 MLJ 11 di ms 21, s. 17A Akta Tafsiran 1948 dan 1967, *Malayan Banking Bhd v. The International Tin Council & Anor & Another Case* [1989] 2 CLJ 961; [1989] 1 CLJ (Rep) 87).

Kehadiran Tanpa Syarat

[21] Isu pemfailan kehadiran tanpa syarat dibangkitkan di perenggan 7 afidavit jawapan plaintif dan dihujahkan oleh peguam plaintif. Mahkamah ini berpendapat bahawa fakta pemfailan kehadiran tanpa syarat bukanlah satu fakta yang harus atau boleh mempengaruhi mahkamah ini untuk memutuskan sama ada permohonan defendan untuk memindahkan kes ini ke Mahkamah Tinggi Malaya di cawangan Shah Alam harus dibenarkan atau tidak. Di sini adalah penting dan harus ditegaskan sekali lagi bahawa defendan tidak pada bila-bila masa menafikan atau mencabar bahawa Mahkamah Tinggi, NCVC di Kuala Lumpur tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar tuntutan plaintif. Seterusnya, apa sebenarnya dibangkitkan oleh defendan adalah, plaintif yang memilih memfailkan tindakan di satu Mahkamah Tinggi, dikehendaki mematuhi kriteria-kriteria atau salah satu terma yang ditetapkan di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut dibaca bersama isu Doctrine Forum Convenience.

[22] Pencabaran bidangkuasa mahkamah merupakan satu bantahan di mana Mahkamah Tinggi langsung tidak mempunyai bidangkuasa, contohnya, dalam keadaan di mana Mahkamah Sesyen tidak mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan tuntutan yang melebihi RM250,000

tertakluk kepada s. 64 Akta Mahkamah Rendah 1948. Dalam keadaan tersebut, kedua-dua pihak boleh membangkit isu terhadap bidangkuasa Mahkamah Sesyen sekiranya tuntutan hutang adalah melebihi RM250,000 kerana Mahkamah Sesyen memang tidak mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan tuntutan hutang yang melebihi RM250,000 melainkan dibenarkan seperti di bawah s. 66 dibaca bersama s. 70 Akta Mahkamah-Mahkamah Rendah 1948. Dalam keadaan tersebut memang pihak-pihak tidak boleh membangkitkan atau tidak menimbulkan isu, sama ada plaintif atau defendan telah menyerahkan hak mereka ke bidangkuasa Mahkamah Sesyen apabila salah satu pihak tidak membangkitkan isu bidangkuasa pada awalnya. Seterusnya tidak boleh dikatakan pihak itu yang berdiam diri pada awalnya memang tidak boleh dihalang untuk membangkitkan isu bidangkuasa Mahkamah Sesyen pada mana-mana peringkat kerana Mahkamah Sesyen memang tidak sama sekali mempunyai bidangkuasa membicarakan tuntutan hutang yang terlibat melebihi RM250,000 dan perkara itu adalah jelas khususnya terhadap bidangkuasa Mahkamah Sesyen. Manakala pertikaian yang dibangkitkan oleh defendan dan permohonan defendan melalui Saman Dalam Kamar (Lampiran 4) adalah bahawa fakta-fakta dan keadaan kes plaintif, mewujudkan satu situasi di mana tindakan plaintif patut dan boleh difailkan di cawangan Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam, di mana satu cawangan Mahkamah Tinggi Malaya telah diwujudkan. Bantahan peguam defendan bukan sama sekali di atas alasan bahawa Mahkamah Tinggi, NCVC di Kuala Lumpur tidak mempunyai bidangkuasa seperti yang disalah fahami, dengan segala hormatnya oleh peguam plaintif. Mahkamah ini berpuas hati bahawa defendan tidak mencabarkan bidangkuasa mahkamah ini seperti yang dibezakan di atas. Apa yang dinyatakan dan adalah jelas daripada permohonan oleh defendan, plaintif tidak mematuhi terma-terma statut seperti ditetapkan di s. 23(1) Akta 1964 tersebut.

[23] Oleh itu, sama ada defendan yang memfailkan Kehadiran Tidak Bersyarat dihalang untuk mempertikaikan supaya kes diteruskan di mahkamah ini, mahkamah ini berpendapat bahawa pemfailan Kehadiran Tidak Bersyarat tidak menghalang defendan untuk membangkitkan atau memohon supaya kes ini dipindahkan ke Mahkamah Tinggi Malaya di cawangan Shah Alam kerana defendan berhak untuk membangkitkan bahawa tindakan plaintif yang difailkan di Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur tidak mematuhi terma-terma di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut dan juga di atas alasan Doctrine Forum Convenience. Mahkamah ini berpendapat bahawa secara khususnya, pemfailan Kehadiran Bersyarat adalah untuk mengenepikan writ saman yang tidak teratur, di mana nama defendan tidak teratur atau defendan tidak patut

dinamakan atau penyerahan writ saman adalah tidak sah atau tidak teratur. Dalam kes di hadapan mahkamah ini, pemfailan Kehadiran Tidak Bersyarat adalah selaras dengan A. 12 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan tidak menghalang defendan untuk memohon supaya kes ini dipindahkan ke Mahkamah Tinggi di Shah Alam. Seterusnya, mahkamah ini berpendapat defendan tidak melepaskan (waived) hak beliau dengan pemfailan Kehadiran Tanpa Bersyarat. (Rujuk kes *Firth & Sons v. Des Las Rivas* [1983] 1 QB 768, *USA v. Yang Soon Ee & Anor* [1950] 1 LNS 95).

[24] Ketiga-tiga kes yang dirujuk oleh peguam plaintif dan melibatkan isu terhadap pemfailkan kehadiran tidak bersyarat boleh dibezakan di atas fakta-fakta dan keadaan kes di hadapan mahkamah ini.

Dalam kes *The Avro International v. Arabian* [1988] 1 MLJ 147;

> Defendan memohon untuk membatalkan tindakan-tindakan plaintif yang difailkan di Mahkamah Admiralty yang melibatkan dua buah kapal kerana defendan bukanlah pihak yang terlibat dalam transaksi menyalurkan (supply) kepada plaintif di atas alasan defendan bukanlah yang akan bertanggung di atas tuntutan plaintif seperti ditafsirkan dibawah s. 4(4) Mahkamah Tinggi (Admiralty Jurisdiction) Akta (Cap 1, 2, 3) 1985 Ed. Permohonan defendan untuk membatalkan tindakan-tindakan telah ditolak oleh Timbalan Pendaftar. Rayuan oleh defendan ke Mahkamah Tinggi juga telah ditolak kerana defendan tidak memfailkan Kehadiran Tanpa Bersyarat dan defendan tidak dibenarkan untuk memohon membatalkan tindakan di peringkat prosiding threshold di atas alasan tidak mempunyai bidangkuasa. Di peringkat pendengaran rayuan di Mahkamah Tinggi pada masa rayuan ditangguh, defendan memohon kebenaran untuk menarik balik Kehadiran Tanpa Syarat yang difailkan. Defendan tidak berjaya dalam permohonan tersebut. Defendan merayu ke Mahkamah Rayuan. Rayuan defendan kepada Mahkamah Rayuan ditolak. Dalam kes tersebut, plaintif memfailkan tindakan pada Mei 1984 di Mahkamah Tinggi Admiralty terhadap pemilik dua kapal untuk menuntut harga bunkers. Pada bulan berikut, kedua-dua kapal tersebut telah ditahan tetapi kapal tersebut telah dilepaskan serta merta sebaik sahaja defendan memberi guarantee bank di atas terma-terma dan amaun yang diterima oleh plaintif. Pada bulan Jun 1984, kedua-dua defendan telah memasukkan Kehadiran Tanpa Syarat dibawah A. 70 k. 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung memperuntukan terhadap prosedur pemfailan kehadiran untuk kes admiralty di mana adalah sama kes-kes biasa di bawah A. 12 Kaedah-Kaedah. Selepas lima bulan kemudian, defendan memfailkan permohonan interlokutori untuk membatalkan dan

menolak tuntutan plaintif dan juga untuk guarantee-guarantee bank dikembalikan kepada defendan dan dibatalkan seperti yang dinyatakan, Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi menolak permohonan defendan-defendan. Dalam kes tersebut, isu yang timbul di antara perkara yang lain adalah sama ada defendan patut dinamakan sebagai satu pihak dalam tindakan yang difailkan oleh plaintif kerana defendan bukanlah pihak yang berhutang kepada plaintif dan sama ada isu itu patut diputuskan dalam peringkat interlokutari atau peringkat bicara. Di atas fakta tuntutan, Mahkamah Rayuan mendapati plaintif telah memfailkan tuntutan dalam bidangkuasa admiralty Mahkamah Tinggi. Mahkamah Rayuan mendapati bahawa kesan yang diberi apabila kehadiran tanpa syarat difailkan adalah:

(i) Pihak itu telah melepaskan (waive) sebarang ketidakaturan penyerahan writ.

(ii) Defendan didapati telah menyerahkan kepada bidangkuasa Mahkamah tersebut.

(iii) Mahkamah Rayuan mendapati defendan yang ingin mengenepikan writ atau penyerahan (service) untuk tidak mematuhi kaedah-kaedah prosedur atau mencabarkan bidangkuasa Mahkamah patut memfailkan Kehadiran Bersyarat. Oleh itu, Mahkamah Rayuan mendapati ketinggalan atau kegagalan untuk memfailkan Kehadiran Bersyarat adalah 'fatal' untuk defendan membantah bidangkuasa Mahkamah.

(iv) Di sini adalah penting untuk menyatakan bahawa fakta-fakta dan keadaan kes di Avro International boleh dibezakan apabila berbanding dengan fakta, keadaan, jenis permohonan dan undang-undang yang dipakai:

(1) Dalam kes tersebut di atas permohonan defendan adalah untuk membatalkan tindakan plaintif kerana defendan sepatutnya tidak dinamakan sebagai defendan kerana defendan bukan bertanggungjawab kepada tuntutan plaintif.

(2) Defendan telah mencabarkan bidangkuasa Mahkamah Admiral untuk membicarakan tuntutan plaintif.

(3) Defendan telah pun mengambil langkah-langkah atau tindakan-tindakan yang lain untuk memberi harapan kepada plaintif bahawa defendan memang bersedia untuk menyerahkan kepada bidangkuasa Mahkamah Admiral untuk membicarakan tuntutan plaintif terhadap defendan.

A Dalam kes *EG Tan & Co (Pte) (In Liquidation) v. Tan Chong San* [1993] 2 CLJ 192;

Plaintif adalah syarikat swasta yang ditubuhkan di Singapura dan plaintif adalah broker saham dan ahli-ahli bursa saham Singapura. Syarikat plaintif telah digulungkan oleh Mahkamah Tinggi, B Singapura. Tindakan difailkan oleh liquidasi-liquidasi syarikat plaintif yang dilantik oleh Mahkamah Tinggi, Singapura pada tarikh penggulungan syarikat dibuat. Alamat defendan adalah Jalan Kampung Simee, Ipoh, Perak. Defendan menafikan tuntutan plaintif melainkan terdapat sebahagian transaksi untuk pembelian saham-saham di syarikat-syarikat awam. Melalui C Saman Dalam Kamar, plaintif telah memohon penghakiman terhadap defendan dan secara alternatif pembelaan defendan dibatalkan. Penolong Kanan Pendaftar menolak permohonan plaintif dengan kos. Rayuan oleh plaintif ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar telah ditarik balik oleh plaintif. Seterusnya rayuan telah ditolak. Plaintif telah D memfailkan permohonan untuk meminda pernyataan tuntutan. Plaintif sebagai syarikat luar Negara diperintahkan untuk membayar kos sekuriti. Pada tarikh pendengaran untuk permohonan pindahan, kedua-dua pihak memaklumkan kepada Penolong Kanan Pendaftar bahawa kedua-dua pihak dalam proses penyelesaian permohonan tersebut dan plaintif bersetuju E kepada pindahan dan membayar RM10,000.00 sebagai kos sekuriti kepada defendan. Tarikh bicara telah ditetapkan pada 10.9.1992, tetapi pada 2.9.1992, defendan memfailkan permohonan untuk mendapat kebenaran Mahkamah untuk menarik balik kehadiran tanpa syarat dan memfailkan kehadiran F bersyarat dan prosiding diketepikan atau digantung kerana Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur bukanlah forum convenience untuk memutuskan isu-isu secara alternatif, writ saman dan penyampaian diketepikan atau digantung kerana tidak mematuhi terma di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut. Seterusnya, writ saman diketepikan atau digantung kerana tidak G mematuhi Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan tindakan adalah frivolous, vexatious and abuse of the court process. Seterusnya tarikh bicara dilapangkan dan permohonan defendan ditetapkan untuk pendengaran pada 14.12.1992. Setelah kes ditangguh atas permohonan peguam plaintif untuk memfailkan affidavit jawapan, permohonan tersebut didengar pada 9.10.1992 H dimana permohonan defendan telah ditolak dengan kos. Alasan defendan bagi permohonan tersebut adalah:

(1) pernyataan tuntutan plaintif tidak menunjukkan bahawa ia termasuk dalam lingkungan s. 23(1) Akta 1964 tersebut.

I

(2) Defendan berhujah bahawa kausa tindakan timbul di bidangkuasa luar Negara dan plaintif patut menjelaskan di pernyataan tuntutan alasan yang membenarkan plaintif menguatkuasakan tuntutan plaintif di Mahkamah Tinggi Malaya.

(3) Pernyataan Tuntutan plaintif hanya menyatakan alamat penyampaian bagi defendan adalah Jalan Kampung Simee, Ipoh, Perak dan ia tidak mematuhi kehendak butir-butir di perenggan (b) subseksyen (1), s. 23 Akta 1964 tersebut.

(4) Penyerahan bukanlah satu asas bidangkuasa Mahkamah Tinggi dalam Negara ini. Defendan menyatakan bahawa pliding harus menyatakan bahawa defendan tinggal (resident) atau mempunyai tempat perniagaan di Malaysia Barat sebelum Mahkamah Tinggi Malaya diletak dibawah bidangkuasa dalam tindakan tersebut.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur tidak membenarkan defendan untuk menarik balik kehadiran tanpa syarat selepas lebih dari 5 tahun. Seterusnya di dapati selama 5 tahun sebelum permohonan defendan difailkan, defendan telah mengambil pelbagai tindakan dan memfailkan pelbagai permohonan interlokutori. Mahkamah Tinggi juga mendapati bahawa melalui tidak kurang 8 afidavit, plaintif telah mencatat alamat tempat tinggal dimana adalah sama dengan alamat untuk penyerahan writ saman seperti dicatat dalam pernyataan tuntutan. Oleh yang demikian, Mahkamah Tinggi berpendapat bahawa permohonan defendan yang ingin mengenepikan writ atau penyerahan kerana tidak mematuhi Kaedah-Kaedah prosedur atau ingin mencabarkan bidangkuasa Mahkamah harus memfailkan kehadiran bersyarat. Selain daripada alasan itu, Mahkamah Tinggi juga telah mengambil berbagai-bagai alasan yang tertentu dan mendapati tindakan plaintif bukanlah frivolous, vexatious and abuse of the process of the court dibawah A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan kelewatan selama 5 tahun untuk memfailkan permohonan tersebut setelah tarikh bicara ditetapkan dan berbagai-bagai permohonan interlokutori telah dibuat selama tempoh tersebut adalah tidak munasabah. Seterusnya permohonan defendan telah ditolak.

Dalam kes *Tawin Industries (M) Sdn Bhd v. FEC Cables (M) Sdn Bhd* [2005] 5 CLJ 140;

Permohonan defendan untuk memindah tindakan plaintif dari Mahkamah Tinggi di Melaka ke Mahkamah Tinggi Malaya, Shah Alam telah ditolak. Tuntutan plaintif terhadap defendan adalah untuk barangan yang telah dijual dan diserah kepada defendan di premis defendan di Shah Alam di mana dikatakan invois-invois dan arahan penyerahan telah dialamatkan di

Shah Alam. Defendan menyatakan bahawa pertikaian dan fakta-fakta wujud di Shah Alam. Manakala plaintif menyatakan bahawa Ketua Pegawai Operasi, Pengurus Tenikal dan Kemajuan, Pengurus Pasaran, Pengurus Perdagangan defendan menghadiri dimesyuarat dengan Penolong Pengurus, Pengurus Besar Plaintiff dan bahawa defendan telah akui hutang kepada plaintif di kilang plaintif di Melaka di mana Ketua Pengurus Operasi dengan jelas mengakui hutang kepada plaintif dan membuat cadangan penyelesaian melalui 5 bayaran ansuran dengan 5 cek.

Hakim Mahkamah Tinggi mendapati bahawa pemfailan Kehadiran Tanpa Syarat menimbulkan defendan menyerahkan kepada bidangkuasa Mahkamah Tinggi Malaya di Melaka dan defendan telah mengenepikan hak beliau untuk mencabar bidangkuasa Mahkamah Tinggi Melaka.

Dengan segala hormatnya, Mahkamah ini berpendapat bahawa hujahan peguam defendan dalam kes tersebut di mukasurat 143 d, bahawa tidak ada otoriti yang menyatakan defendan mesti memfailkan Kehadiran Bersyarat untuk tujuan permohonan untuk memindahkan prosiding dari satu Mahkamah Tinggi ke satu lagi Mahkamah Tinggi dan kes di *Avro Development v. Aspatra Sdn Bhd* tidak dipakai kerana defendan tidak mencabar bidangkuasa Mahkamah tetapi hanya terhadap forum convenience seperti yang diputuskan dalam kes *Sova Sdn Bhd v. Kasih Sayang Realty Sdn Bhd* [1988] (2) MLJ 268 diterima oleh Mahkamah ini dimana Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi (pada masa itu) tidak terima di atas sebab-sebab tertentu setelah mengikuti kedua-dua kes tersebut. Oleh itu Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi (pada masa itu) mendapati defendan telah mengetepikan hak beliau untuk mencabar bidangkuasa Mahkamah. Bagi isu forum convenience, Hakim Mahkamah Tinggi mendapati defendan tidak merujuk kepada doktrin forum convenience dan juga tidak ada sebarang fakta atau keadaan untuk menyokong doctrine forum convenient dipakai. Berdasarkan kepada Affidavit Jawapan Plaintif yang tidak dipertikaikan oleh defendan, didapati alamat berdaftar plaintif adalah Melaka, defendan memesan barangan dari alamat berdaftar plaintif di Melaka, bayaran yang akan dibuat adalah di Melaka dimana wakil-wakil defendan telah mengadakan mesyuarat bersama wakil-wakil plaintif yang mencapai persetujuan untuk defendan membayar hutang melalui 5 cek yang tidak dapat ditunaikan.

Di atas fakta kes tersebut, didapati Mahkamah Tinggi Malaya di Melaka adalah forum convenience untuk mendengar dan memutuskan tuntutan plaintif.

[25] Di atas sebab-sebab tersebut di atas, mahkamah ini berpendapat, dengan segala hormatnya, pemfailan Kehadiran Tidak Bersyarat (unconditional appearance) bukan semestinya memberi makna dan di atas fakta dan keadaan kes ini bahawa defendan telah bersetuju untuk menyerahkan hak pembelaannya kepada Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur atau menghalang defendan untuk memohon supaya kes ini dipindahkan ke Mahkamah Tinggi, di Shah Alam di atas fakta dan dari segi undang-undang.

> Kes *Sanwell Corporation v. Trans Resources Corporation Sdn Bhd & Anor* [2002] 3 CLJ 213 melibatkan isu langkah-langkah yang telah diambil dalam prosiding ('a step in the proceeding') di bawah Akta Timbangtara 1952 iaitu penyerahan saman dan sama ada pemfailan Kehadiran Tidak Bersyarat menghalang untuk defendan memohon kes untuk digantung sehingga pertikaian dirujuk kepada Timbangtara, Mahkamah ini berpendapat bahawa *ratio decidendi* dalam kes *Sanwell Corps v. Trans Resources Corp Sdn Bhd* tersebut dipakai bagi kes di hadapan Mahkamah ini. Walaupun satu 'Kehadiran Bersyarat' dikehendaki difailkan sebelum permohonan untuk mengenepikan penyerahan saman berjaya, Mahkamah Persekutuan masih memutuskan bahawa kegagalan memfailkan 'Kehadiran Bersyarat' tidak menghalang defendan untuk memohon penggantungan kes dan memfailan 'Kehadiran Tidak Bersyarat' bukan satu langkah dalam prosiding (a step in the proceeding).
>
> Dalam kes *Alor Janggus Soon Teng Trading Sdn Bhd & Ors v. Sey Hoe Sdn Bhd & Ors* [1995] 1 CLJ 461 di ms. 258, di mana Mahkamah Agung menyatakan bahawa defendan yang memfailkan Kehadiran tidak Bersyarat telah terlambat untuk memohon supaya tindakan plaintif untuk dibatalkan dibawah A. 18 k. 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 tetapi defendan masih berhak untuk mengguna pakai A. 33 k. 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 sekiranya defendan memikirkan untuk membuat sedemikian.

[26] Oleh yang demikian, mahkamah ini berpendapat bahawa kegagalan memfailkan kehadiran bersyarat tidak menghalang defendan untuk memohon kes ini dipindahkan ke Mahkamah Tinggi di Shah Alam. Kegagalan memfailkan kehadiran bersyarat itu bukan bermakna defendan telah dengan muktamad menyerahkan Guaman Sivil ini didengar oleh Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur kerana isu bidangkuasa Mahkamah Tinggi, NCVC, di Kuala Lumpur tidak ditimbulkan oleh defendan melainkan rujukan dibuat kepada s. 23(1) Akta 1964 tersebut dan Doctrine Forum Convenience. Oleh yang demikian, mahkamah ini berpendapat bahawa defendan bebas memohon diperingkat ini supaya kes ini dipindahkan dari mahkamah ini ke Mahkamah Tinggi di Shah Alam, di mana adalah masih awal. Seterusnya, defendan tidak dihalang untuk memfailkan permohonan ini dan peringkat ini adalah sesuai untuk

memindahkan kes ini ke Mahkamah Tinggi, di Shah Alam kerana mahkamah ini masih belum menyelesaikan pengurusan kes ataupun menetapkan tarikh bicara. Seterusnya, mahkamah ini berpuas hati bahawa permohonan defendan bukan dibuat semata-mata dengan niat untuk melengah-lengahkan prosiding dan masa mahkamah ini kerana defendan berhak dan dibenarkan menggunakan proses kehakiman melalui rujukan s. 23(1) Akta 1964 tersebut dan Doctrine Forum Convenience dari segi fakta dan undang-undang.

[27] Mahkamah ini berpendapat bahawa kenyataan pengarah bagi defendan di perenggan 9, Afidavit Sokongan tidak semestinya dibuat dengan niat jahat atau boleh dikatakan atau menghampiri menghina mahkamah seperti dihujahkan oleh peguam plaintif. Sebaliknya, peguam defendan juga menghujahkan bahawa Mahkamah Tinggi di Shah Alam juga mempunyai bahagian NCVC yang boleh mempercepatkan kes-kes yang difailkan di Mahkamah Tinggi, NCVC di Shah Alam. Oleh itu, adalah lebih wajar dan sesuai dan demi keadilan supaya plaintif memfailkan tindakan di Mahkamah Tinggi, NCVC, di Shah Alam kerana fakta-fakta dan keadaan kes ini dan keadilan memerlukan tindakan plaintif dibicarakan di Mahkamah Tinggi di Shah Alam.

[28] Oleh yang demikian, mahkamah ini berpendapat bahawa, walaupun mahkamah ini adalah salah satu cawangan Mahkamah Tinggi Malaya dan mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kes ini, yang tidak dinafikan oleh defendan tetapi di atas fakta-fakta dan keadaan kes ini, terma-terma di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut dan demi Forum Convenience dan seperti dihuraikan oleh peguam defendan, tindakan ini patut difailkan dan dibicarakan di Mahkamah Tinggi di Shah Alam di atas alasan bahawa perniagaan defendan yang dijalankan adalah di Silver Bird Complex, Lot 72, Persiaran Jubli Perak, Seksyen 21, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, kontrak berlaku di daerah Shah Alam, Negeri Selangor Darul Ehsan, saksi-saksi defendan adalah dari Shah Alam dan seperti yang diperuntukan di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut dan seperti yang diakui, sama ada secara langsung atau tidak langsung oleh plaintif di perenggan 6, afidavit jawapan plaintif.

[29] Mahkamah ini berpendapat defendan telah memuaskan mahkamah ini bahawa alasan yang dicatatkan dalam saman dalam kamar mematuhi salah satu terma di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut. Sebenarnya defendan berhak untuk mengambil kesempatan dan memuaskan mahkamah ini bahawa salah satu terma di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut memihak permohonan defendan tersebut. Defendan hanya perlu untuk menunjukkan salah satu terma di bawah s. 23(1) Akta 1964 tersebut, di mana terma-terma di s. 23(1) Akta 1964 tersebut dibaca disjunctively. (Rujuk kes *Ng Lai Tien v. Peregrine Finance Ltd* [1996] 2 CLJ 496, *Enersafe Sdn Bhd v. Megarina Sdn Bhd* [2006] 2 CLJ 1021).

[30] Dalam kes ini, mahkamah ini mendapati defendan telah menunjukkan bahawa defendan mempunyai atau menjalankan perniagaan di Shah Alam seperti sub-s. (1)(b) dan fakta-fakta memerlukan tindakan ini difailkan di cawangan Mahkamah Tinggi Malaya di Shah Alam seperti sub-s. (1)(c). Oleh itu defendan berhak untuk menggunapakai terma-terma statut tersebut. (Rujuk kes *Kenichi Hattori & Anor v. Minoru Yamashita & Anor* [2004] 1 CLJ 491 di ms 499).

[31] Di atas alasan-alasan yang tersebut di atas, mahkamah ini berpuas hati dan mendapati seterusnya bahawa perniagaan defendan dijalankan di Shah Alam, saksi-saksi defendan adalah dari Shah Alam, kontrak dibuat di Shah Alam dan demi keadilan perbicaraan patut diadakan di Mahkamah Tinggi di Shah Alam. Defendan telah berjaya menunjukkan di atas fakta-fakta dan keadaan kes ini dan dibaca bersama dengan terma-terma statut di bawah s. 23(1) Akta Mahkamah-Mahkamah Kehakiman 1964 dan prinsip Forum Convenience, kes ini patut dibicarakan di Mahkamah Tinggi di Shah Alam.

[32] Seterusnya dan menurut kehendak keadilan dan di atas sebab-sebab yang dinyatakan di atas, mahkamah ini berpendapat bahawa tindakan ini patut dan boleh dipindahkan ke Mahkamah Tinggi, Shah Alam untuk dibicarakan. (Rujuk A. 92 k. 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980). Seterusnya, saman dalam kamar (lampiran 4) prayer (a) dibenarkan. Kos permohonan ini adalah kos dalam kausa.